

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA



COOP

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN MEREKA BENTUK BAJU BATIK ANGKASA

1. PENGENALAN

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA dianjurkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Pertandingan ini dianjurkan sebagai inisiatif pencarian reka cipta baju batik rasmi ANGKASA yang baharu.

2. TEMA PERTANDINGAN

Tema bagi pertandingan ini menjurus kepada semangat kerjasama dan kebersamaan yang mana ianya adalah prinsip dan jati diri yang diamalkan oleh gerakan koperasi negara bagi memenuhi keperluan sosioekonomi anggotanya serta menyumbang kepada kerancakan pertumbuhan ekonomi negara.

3. MOTIF

Motif logo ANGKASA **wajib** digunakan sebagai salah satu elemen reka bentuk batik. Rekaan yang dihasilkan pula perlu menggunakan konsep batik. Peserta boleh merujuk kepada contoh batik ANGKASA yang terdahulu.



Logo ANGKASA

4. SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat penyertaan Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA adalah seperti berikut :-

- 4.1 Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia berusia 13 tahun ke atas.
- 4.2 Penyertaan adalah secara INDIVIDU sahaja.
- 4.3 Setiap individu boleh menghantar lebih dari satu penyertaan.

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA




COOP

- 4.4 .Warga kerja ANGKASA dan subsidiari tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini.
- 4.5 Reka cipta batik yang dihasilkan mestilah menjurus serta sesuai dengan tema pertandingan. Hasil reka cipta mestilah asli dan tidak pernah dikomersial, dipamer atau dimajukan kepada organisasi yang lain.
- 4.6 Hasil rekaan yang dihantar perlu mempunyai kualiti yang baik dan jelas untuk diadili oleh pihak pengangur.
- 4.7 Hasil karya mestilah karya asal/ asli peserta, tidak melanggar hak cipta orang lain dan **TIDAK PERNAH** menyertai mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Penyertaan atau kemenangan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak.
- 4.8 Mana-mana penyertaan yang didapati meniru / menciplak idea adalah **TIDAK LAYAK** atau **TERBATAL** serta merta daripada menyertai pertandingan ini.
- 4.9 Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan di dalam pertandingan ini, peserta membentarkan pihak pengangur untuk menggunakan nama, gambar, dan butiran peribadi peserta menurut peruntukan perundungan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.
- 4.10 Kos penyediaan reka bentuk (sekiranya ada) adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
- 4.11 Hasil reka bentuk yang dihasilkan adalah karya mengikut kreativiti peserta yang mengandungi nilai-nilai murni dan **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang simbol atau motif yang menyentuh sensitiviti perkauman, agama, kebudayaan serta politik atau menghina mana-mana individu atau pemimpin serta mematuhi syariah.
- 4.12 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju dengan kesemua terma dan syarat-syarat pertandingan.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Peserta diwajibkan *like* dan *follow* Facebook rasmi ANGKASA: **@ANGKASACoop**
- 5.2 Peserta diwajibkan mendaftar menggunakan pautan google form berikut:



<https://forms.gle/Psg1oCn1BE8>

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA



COOP

5.3 Setiap rekabentuk design perlu dimuat naik menerusi pautan google form seperti berikut:

- (1) Design batik dalam format JPEG resolusi 1280 x 960 berserta justifikasi atau keterangan berkaitan reka bentuk yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu sahaja.
- (2) Design di atas *template layout* yang disediakan

5.4 Setiap peserta mestilah mengisi satu borang pendaftaran bagi setiap reka bentuk (setiap *design*)

5.5 Semua penyertaan dihantar secara *softcopy* menerusi borang *google form* yang disediakan sahaja. Penganjur tidak menerima penyertaan yang dihantar melalui pos atau *hardcopy*.

6. TEMPOH PERTANDINGAN

Pertandingan ini bermula pada 17 Oktober 2022 sehingga 30 November 2022.

7. KRITERIA PENILAIAN

- 7.1. Setiap penyertaan rekaan akan diadili oleh Panel Penilai yang dilantik oleh ANGKASA.
- 7.2. Penilaian dibuat dengan melihat keaslian serta kreativiti yang ditonjolkan dalam menepati tema pertandingan.
- 7.3. Pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh pihak ANGKASA dan akan diumumkan di Facebook Rasmi ANGKASA.
- 7.4. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad dan sebarang bentuk bantahan tidak akan dilayan.

8. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiyah pertandingan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

Johan : Wang Tunai RM5,000 + Sijil Penyertaan

Naib Johan : Wang Tunai RM3,000 + Sijil Penyertaan

Tempat Ketiga : Wang Tunai RM1,000 + Sijil Penyertaan

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA



coop

9. HAK CIPTA

- 9.1. Pemenang **bersetuju** untuk memberi reka bentuk ini sebagai **hak milik dan hak mutlak kepada ANGKASA** sebagai pengajur untuk mengguna, menghasilkan semula, penyunting, mempamer, menyiarkan, menjadikan sumber, pengubahsuai, tujuan promosi dan pendidikan seperti poster, cetakan risalah, buku, laman web, media sosial dan lain-lain tujuan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa dan hak ini tidak boleh ditarik balik, akan berterusan dan bebas daripada pembayaran sebarang royalti.
- 9.2. Pengajur berhak membuat pindaan serta menngunapakai rekaan yang diterima dalam apa juga bentuk promosi, hebahan dan cetakan tanpa notis atau persetujuan pemenang.
- 9.3. Para pemenang hanya akan menerima hadiah kemenangan yang ditawarkan sahaja dan tidak boleh menuntut apa sahaja bentuk bayaran berulang atau royalti sekiranya rekaan digunapakai oleh ANGKASA.
- 9.4. Pemenang tidak dibenarkan untuk menjual atau bermiaga hasil reka bentuk untuk apa-apa tujuan dalam apa sahaja platform atau medium.

10. PENGISYIHKAN PEMENANG

- 10.1. Keputusan panel penilai ANGKASA adalah **MUKTAMAD**. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.
- 10.2. Pengajur juga berhak untuk tidak mengisyiharkan sebarang pemenang sekiranya reka bentuk yang diterima tidak menepati kriteria dan tema pertandingan.
- 10.3. Pengajur berhad untuk tidak mengguna pakai reka bentuk batik yang memenangi pertandingan ini sebagai baju batik rasmi ANGKASA.
- 10.4. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi oleh ANGKASA melalui telefon dan/ atau e-mel dan nama pemenang turut akan diumumkan di laman web rasmi: www.angkasa.coop serta platform media sosial ANGKASA (Facebook/ Twitter: @ANGKASACoop)
- 10.5. Pengajur berhak untuk menarik balik kemenangan sekiranya mendapati pemenang telah didapati memanipulasi atau memberi maklumat diri yang tidak benar.

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA



coop

11. PENAFIAN

- 11.1 Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan terhadap kos yang dikeluarkan oleh peserta bagi menyertai pertandingan ini.
- 11.2 Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran hak cipta atau plagiat yang dilakukan oleh para peserta. Peserta adalah bertanggungjawab memastikan hasil penyertaan adalah asli.

12. TERMA LAIN

- 12.1 Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak ANGKASA berkaitan dengan pertandingan ini.
- 12.2 Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. ANGKASA berhak menolak/membatalkan penyertaan yang tidak lengkap atau atau penyertaan yang lewat dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan atau didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini.
- 12.3 ANGKASA berhak dan mempunyai **KUASA MUTLAK** untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknya. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh ANGKASA, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web ANGKASA (www.angkasa.coop) atau platform media sosial ANGKASA (FB/ Twitter: @ANGKASACoop)
- 12.4 Peserta hendaklah menanggunrugi pihak ANGKASA sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap ANGKASA berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh ANGKASA daripada peserta (sekiranya berkenaan).
- 12.5 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak ANGKASA termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web ANGKASA bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA ANGKASA yang dipaparkan di laman web ANGKASA (www.angkasa.coop). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Pertandingan Mereka Bentuk Baju Batik ANGKASA



coop

12.6 Pertandingan serta terma dan syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

12.7 Sebarang pertanyaan dan soalan boleh dikemukakan terus ke:

Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA

e-mel: kitakoperasi.angkasa@gmail.com

Waktu berurusan / Urus setia pertandingan:

Isnin – Jumaat: 9.00 pagi - 5.00 petang

Sabtu dan Ahad : Tutup

<Tamat>

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA